

06 NOV 1999

Sukan-Jalan (Rangkuman)

MAHATHIR KETUAI ACARA BERSEJARAH BERJALAN UNTUK NEGARA

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Malaysia sekali lagi menempah sejarah apabila lebih dua juta rakyat negara menunjukkan sokongan padu terhadap penawaran Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 melalui Kempen Berjalan Untuk Negara.

Ia sekaligus mencatatkan nama dalam "Malaysian Book of Records", sebagai acara paling ramai berjalan serentak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai lebih 12,000 peserta dalam acara pelancaran peringkat nasional di Taman Tasik Titiwangsa di sini hari ini.

Ia dilancarkan tepat pukul 8 pagi iaitu serentak di seluruh negara yang disertai oleh 2.166 juta rakyat pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat umur.

Di Taman Tasik Titiwangsa, lebih 12,000 wargakota mula membanjiri kawasan itu sejak awal pagi lagi. Dr Mahathir tiba pada 7.30 pagi.

Perdana Menteri, yang diiringi oleh Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan beberapa menteri kabinet, turut menyertai acara senamrobik, sebuah acara sampingan sebelum memulakan kempen berjalan tersebut.

Beberapa acara turut disediakan termasuk cabutan bertuah, persembahan artis dan juga persembahan muzik tradisional masyarakat majmuk.

Kempen "Berjalan Untuk Negara", acara tanda simbolik sokongan rakyat ke arah penawaran Malaysia sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006, turut meliputi 293 lokasi di 116 daerah di seluruh negara.

Muhyiddin menyifatkan penyertaan rakyat bagi kempen tersebut sebagai di luar dugaan.

"Semangat padu rakyat Malaysia jelas menerusi kempen ini dan saya berbangga dengan sokongan rakyat terhadap hasrat negara menjadi tuan rumah," katanya.

Selain Malaysia, lima buah negara lain turut berminat menjadi tuan rumah iaitu Hong Kong, Uzbekistan, India, Syria, Qatar.

Majlis Olimpik Asia (OCA) akan membuat keputusan melalui undian pada tahun depan bagi memilih negara tuan rumah Sukan Asia 2006.

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri Datuk Osu Sukam yang melancarkan kempen peringkat negeri Sabah turut menyertai acara itu yang meliputi laluan sejauh 3km di sekeliling bandar Kota Kinabalu.

Acara itu bermula dari Padang Merdeka.

Seramai 39,318 peserta dari Kota Kinabalu sudah mula membanjiri Padang Merdeka sejak awal pagi tadi. Secara keseluruhan seramai 202,779 peserta menyertai acara itu dari seluruh negeri.

Dalam ucapan selepas acara berkenaan, Ketua Menteri berkata penyertaan yang sebegitu ramai daripada Sabah menandakan sokongan padu rakyat Sabah terhadap kepimpinan negara ini.

"Program ini telah dapat menyatupadukan sokongan rakyat Sabah kepada negara ini," katanya.

Turut hadir ialah seluruh anggota kabinet negeri termasuk Menteri Pembangunan Belia dan Kemajuan Sukan Datuk Rubin Balang yang juga Pengerusi Jawatankuasa induk kempen itu.

Di KUCHING, Sambutan peringkat negeri diadakan di Kuching yang

menyaksikan kira-kira 26,000 berkumpul di hadapan bangunan Dewan Undangan Negeri dan berjalan kira-kira tiga kilometer ke Stadium Negeri di Petra Jaya, seramai 170,000 peserta di seluruh negeri ini mengambil bahagian dalam acara tersebut.

Berucap pada pelancaran majlis itu Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Dr George Chan berkata Malaysia sangat berkebolehan untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 dan rakyat Sarawak menyokong usaha ini.

Katanya sekiranya Malaysia dipilih tuan rumah Sukan Asia 2006, Sarawak akan berpeluang menjadi tempat berlangsungnya beberapa acara sukan yang dipertandingkan kerana terdapatnya kemudahan sukan bertaraf dunia di sini.

Di KOTA BAHARU, seramai kira-kira 168,000 pelbagai lapisan rakyat negeri ini menyatakan sokongan dengan menyertai Program Berjalan Untuk Negara yang diadakan serentak di seluruh negara hari ini.

Rata-rata mereka yang disertai oleh pelajar sekolah rendah dan menengah itu telah berkumpul di 29 lokasi di seluruh Kelantan sejak pukul 6.30 pagi lagi.

Mereka juga turut membawa pelbagai kain rentang dan sepanduk bagi menyatakan sokongan Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 itu.

Bagi peringkat daerah ini, seramai 12,000 peserta menyertai program itu, yang mana pelepasannya dilakukan oleh anggota Parlimennya, Hajjah Ilani Datuk Isahak pada pukul 8.30 pagi yang bermula di Padang Perdana di sini.

Sebelum itu para peserta beramai-ramai melakukan senaman aerobik dan turut diserikan dengan persembahan tradisional iaitu rebana ubi.

Tujuh batang jalan utama di bandar ini ditutup kepada semua lalu lintas bagi membolehkan para peserta melalui jalan berkenaan yang sejauh tiga kilometer itu.

di MELAKA, lebih 52,000 peserta menyertai program Berjalan Untuk Negara yang diadakan serentak di tiga daerah di negeri ini - Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah.

Di Melaka Tengah, Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin melepaskan hampir 30,000 peserta yang berjalan sejauh tiga kilometer bermula dari Padang Pahlawan, Bandar Hilir melalui Jalan Merdeka dan Jalan Kota sebelum masuk semula ke Padang Pahlawan.

Hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, semua anggota-anggota Exco dan anggota Dewan Undangan Negeri serta ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan.

Sementara itu, di Alor Gajah, lebih 15,000 orang peserta menyertai program itu manakala di Jasin pula kira-kira 7,000 orang menjayakan program berjalan untuk negara dalam usaha mendapatkan hak penganjuran Sukan Asia 2006.

Di Kuala Terengganu, Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad mengepalai kira-kira 40,000 orang dalam acara sukan berjalan untuk negara di pantai peranginan Batu Buruk di sini hari ini.

Beberapa orang anggota Exco kerajaan negeri, Setiausaha Kerajaan Datuk Che Mat Jusoh serta pegawai-pegawai kanan kerajaan turut mengambil bahagian dalam acara sejauh 3.1 km itu.

Di daerah-daerah pula seramai antara 8,000 dan 12,000 orang mengadakan acara yang sama yang diketuai pegawai-pegawai daerah masing-masing.

Wan Mokhtar ketika berucap acara itu berkata sambutan rakyat yang begitu hangat terhadap acara sukan itu menunjukkan sokongan rakyat kepada kerajaan untuk menjadikan negara sebagai tuan rumah sukan Asia 2006.

Beliau berkata rakyat berbilang peringkat dan kaum di negeri ini sentiasa menyokong dan memberikan kerjasama kepada kerajaan untuk menjadi

tuan rumah sukan itu.

Di IPOH, Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib bersama isterinya Puan Seri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah bersama-sama lebih 40,000 orang menyertai acara Berjalan Untuk Negara peringkat negeri sejauh empat kilometer bermula dari Stadium Perak di sini pagi ini.

Selain orang-orang kenamaan dan pegawai tinggi kerajaan, beberapa orang artist dan karyawan yang sedang menghadiri Pesta Filem Malaysia ke-14 yang diadakan di sini turut bersama menyertainya, antaranya ialah Datuk Jins Shamsuddin, Rahim Maarof serta A R Badul.

Perak yang mencatat jumlah tertinggi penyertaan untuk menyertai acara ini iaitu seramai 188,579 sehingga semalam turut mengadakan acara ini di 15 kawasan yang lain di peringkat daerah pada masa yang sama.

Di LANGKAWI, Hampir 10,000 peserta pelbagai lapisan masyarakat menyertai program Berjalan Untuk Negara yang diadakan di Dataran Lang di sini hari ini.

Anggota Exco negeri Kedah Haji Mohamad Hassan Bulat dan Ketua Penolong Pegawai Daerah Langkawi Syed Shaharuddin Syed Abdullah mewakili Pegawai Daerah Langkawi antara tetamu yang menyertai program itu.

Acara itu meliputi sejauh 4km bermula dari Dataran Lang melalui Jalan Persiaran Putra, Jalan Sungai Kuah, Jalan Penarak dan tamat di tempat permulaan.

Peserta membabitkan sebahagian besar pelajar dan kakitangan jabatan kerajaan, swasta, parti politik, pertubuhan sukarela dan sektor perhotelan.

Sebanyak 110 hadiah menarik untuk cabutan tiket bertuah disediakan untuk dimenangi para peserta termasuk hamper.

Beberapa acara turut diadakan iaitu pertunjukan senam aerobik oleh kakitangan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), taekwando dan persembahan pancaragam pelajar Sekolah Kebangsaan Seri Negeri.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon melepaskan kira-kira 5,000 peserta program Berjalan Untuk Negara peringkat negeri sejauh lima kilometer bermula dan berakhir di Padang Kota Lama di sini.

Seramai 78,000 peserta mengambil bahagian bagi seluruh negeri sempena program itu di kelima-lima daerah di negeri ini.

Para peserta dilepaskan tepat pukul 8.15 pagi dan yang turut hadir ialah Anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Padang Kota, Teng Chang Yeow, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Dr Teng Hock Nan dan Pengarah Belia dan Sukan Negeri, Salehan Haji Suru.

Sementara itu, di Seberang Perai, pelancaran program itu dilakukan oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohamad Shariff Haji Omar di Sekolah Menengah Datuk Haji Ahmad Badawi di Kepala Batas.

Di ALOR SETAR, seramai 111,197 orang daripada pelbagai peringkat umur di seluruh negeri menyertai acara Berjalan Untuk Negara yang diadakan serentak di daerah masing-masing pada pukul 8.00 pagi ini.

Acara bagi peringkat negeri Kedah sendiri disertai hampir 11,000 orang bermula di perkarangan Stadium Darul Aman mengelilingi sekitar bandar Alor Setar sejauh 4 kilometer.

Orang ramai menunggu di perkarangan stadium sejak pukul 7.00 pagi lagi sebelum acara itu dilepaskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Sukan dan Rekreasi Negeri Abdul Rahman Ariffin.

Kelab Wartawan Kedah turut menghantar peserta-pesertanya bagi menyertai acara tersebut.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad bersama-sama

kira-kira 17,000 orang menyertai acara itu yang meliputi laluan sejauh 4km yang bermula dan berakhir di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi.

Secara keseluruhannya seramai 65,000 peserta menyertai acara itu di seluruh negeri.

Semasa berucap selepas acara itu, Mohamed Isa berkata sokongan yang padu daripada pelbagai lapisan rakyat terhadap acara itu menunjukkan bahawa rakyat negara ini menunjukkan komitmen tinggi agar Malaysia dapat menganjurkan Sukan Asia 2006.

Katanya Malaysia telah berjaya membuktikan keupayaan cemerlang menganjurkan pelbagai sukan bertaraf antarabangsa termasuk Sukan Komanwel yang merupakan sukan kedua terbesar di dunia.

Ini menunjukkan kita mampu untuk menganjurkan Sukan Asia tahun 2000 serta juga Sukan Olimpik selepas daripada itu, katanya.

Yang turut menyertai acara berjalan itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohamed Ali Abdul Samad, isteri Menteri Besar Puan Seri Hazizah Tumin dan beberapa orang anggota exco kerajaan negeri.

Di KANGAR, kira-kira 50,000 rakyat berbilang kaum dan peringkat umur menyertai acara itu yang diadakan di sini pagi ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim membuat pelepasan bagi peserta kawasan Parlimen Arau di Dataran Sena Indah di sini.

Bagi kawasan Parlimen Kangar, ia bermula di Padang Bandaran dan upacara pelepasan dilakukan oleh anggota Parlimen Kangar, Mohamad Isa Sabu sementara kawasan Parlimen Padang Besar bermula di hadapan Sekolah Kebangsaan Kampung Salang yang dilepaskan oleh anggota Dewan Undangan Negeri Beseri, Nordin Abdullah.

Semua peserta berjalan sejauh kira-kira 3.2 kilometer yang akhirnya bertemu di Stadium Utama di sini untuk mendengar ucapan daripada Menteri Besar sebelum diadakan cabutan bertuah.

Di SHAH ALAM, kira-kira 15,000 peserta yang diketuai oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar telah memulakan perjalanan sejauh 2 km pada pukul 8 pagi ini.

Kumpulan ini merupakan sebahagian daripada kira-kira 106,000 peserta program yang mengambil bahagian di semua 10 daerah dalam negeri Selangor.

Mereka telah berkumpul di kawasan berhampiran Padang Lumba Go-Kart dekat sini seawal pukul 7 pagi ini menantikan kehadiran Menteri Besar dan para anggota exconya untuk turut sama beramai-ramai berjalan ke Stadium Melawati.

Beberapa acara menarik seperti pertunjukan pentas dan persembahan kebudayaan telah dipertontonkan untuk hiburan para peserta program itu di Stadium Melawati sekaligus bagi memeriahkan suasana.

Majlis kemudiannya ditamatkan dengan acara kemuncak iaitu cabutan hadiah untuk nombor bertuah dengan dua hadiah utama merupakan motosikal Kriss.

Sementara itu, di Kompleks Angkasapuri kira-kira 500 orang menyertai acara itu sejauh kira-kira 3.5 kilometer, yang turut disertai oleh kira-kira 60 warga Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).

-- BERNAMA

Team RI